

## Apo yang menarik kek Nismilan? Nikmati Pengalaman Baru Yang Mengasyikkan Bersama Keluarga Tersayang di Buana Kita *Glamping & Event*

Oleh: Dr Salwa Muda & Amariah Hanum Hussin



Buana Kita Glamping terletak di Kampung Gaing, Pedas, Negeri Sembilan iaitu lebih kurang 30 minit pemanduan daripada Bandaraya Seremban. Konsep Glamping yang menggabungkan perkataan *Glamorous* dan *Camping* yang diketengahkan oleh Buana Kita memberikan pilihan baharu kepada mereka yang suka percutian secara perkhemahan dan pencinta alam semula jadi namun dalam suasana yang lebih selesa dan menyeronokkan. Terdapat lapan (8) buah khemah yang disediakan dan dibahagikan kepada Tapak A dan Tapak B. Setiap khemah boleh memuatkan seramai 4 orang dan mempunyai pilihan katil *Queen* dan *Single*. Tandas, bilik mandi, surau dan *pantry* yang selesa dan bersih terletak di blok bangunan berhampiran kawasan khemah.

Kanak-kanak pastinya teruja dengan pelbagai aktiviti menarik yang disediakan kepada keluarga yang menginap di sini. Antaranya menunggang basikal, ATV, kolam renang, wayang pacak, pingpong dan memanah serta terdapat *indoor games* seperti congkak dan Sahibba. Pilihan aktiviti yang disediakan oleh Buana Kita bertujuan memberikan keseronokan berganda kepada tetamu dan memastikan objektif percutian mereka tercapai. Yang menariknya bayaran yang dikenakan boleh dianggap “mesra poket” kerana kesemua aktiviti ini termasuk dalam pakej *glamping* yang diambil. Oleh itu, tetamu tidak perlu membayar bayaran tambahan untuk aktiviti ini.



Selain itu, pastinya tetamu juga tidak ingin melepaskan peluang dengan merasai pengalaman mandi di sungai yang dijaga rapi yang terdapat di kawasan ini. Walaupun sungai ini kecil dan cetek, namun ia mampu memberikan kenangan yang manis untuk dibawa pulang oleh tetamu. Bagi golongan dewasa, tentunya pengalaman ini dapat mengimbuai kenangan masa kecil yang menjadi kenangan indah mereka suatu masa dahulu. Pengalaman yang sukar dilupakan ini dikongsi bersama anak-anak yang tidak berpeluang untuk mandi sungai dan berendam di dalam air dek kerana aktiviti pembangunan yang menyebabkan air sungai tercemar dan hanya segelintir tempat sahaja yang selamat untuk aktiviti mandi manda.



Penggemar kopi pastinya tidak akan melepaskan peluang untuk mendapatkan kopi yang diadun khas dengan biji kopi premium. Para tetamu dapat menikmati kopi yang terdapat di gerai kopi di dalam kawasan ini yang menawarkan pilihan kopi premium seperti *latte* dan *cappuccino* pada harga

yang berpatutan. Pastinya keenakan rasa dan aroma kopi yang mengasyikkan ini tidak dapat dilupakan dan menjadi penyebab untuk penggemar kopi mengunjungi tempat ini di lain hari.

Bagi yang tertanya-tanya tentang harga, harga pakej penginapan untuk hari biasa adalah RM199 per khemah, manakala harga untuk hari Jumaat dan Sabtu adalah RM299 per khemah. Setiap khemah boleh memuatkan 4 orang dan bayaran tambahan akan dikenakan sekiranya tetamu memerlukan penghawa dingin. Buana Kita juga menawarkan pakej makanan pada harga RM39 untuk setiap orang yang merangkumi sarapan, makan tengah hari dan makan malam. Lebih menarik lagi, Buana Kita turut menawarkan pakej hari jadi dan ulang tahun perkahwinan pada harga yang berpatutan dalam membantu tetamu merealisasikan sambutan yang akan dikenang sehingga akhir hayat. Untuk maklumat lanjut dan tempahan, boleh layari <https://www.facebook.com/Buanakitamy> ataupun hubungi 017-2824041.

